

Hubungan Antara Faktor Dalaman Dan Faktor Luaran Dalam Mempengaruhi Kemahiran Menulis Bahasa Arab Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

The Relationship Between Internal And External Factors Influencing Student Skills of Arabic Writing in Higher Learning Institutions of Malaysia

Mohamad Rofian Ismail¹, Ahmad Redzaudin Ghazali², Khairatul Akmar Abdul Latif³, Fahed Maromar⁴, Saupi Man⁵

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji hubungan antara faktor dalaman dan faktor luaran dalam mempengaruhi kelemahan pelajar Diploma Bahasa Arab dalam kemahiran menulis. Sebanyak 140 orang responden daripada empat buah institusi pengajian tinggi Malaysia (IPTM) dipilih iaitu Universiti Sultan Zainal Abidin (90 orang), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (25 orang), Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (9 orang), dan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (16 orang) sebagai sampel kajian. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 22.0. Kaedah analisis deskriptif perbandingan skor min dan analisis peringkat inferensi digunakan untuk memperoleh dapatan kajian. Untuk tatacara penganalisaan data kajian, pengkaji menggunakan dua kaedah iaitu interpretasi skor min yang bersumberkan Jamil Ahmad (1993) dan korelasi Pearson untuk mencari hubungan antara dua pemboleh ubah yang berbeza iaitu pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Dapatan kajian menunjukkan skor min faktor dalaman ialah 3.80 ($SP=0.42$), manakala skor min faktor luaran ialah 3.76 ($SP=0.42$). Kedua-dua skor min ini berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan kedua-dua skor min faktor dalaman dan faktor luaran mempengaruhi penulisan bahasa Arab pelajar. Seterusnya, korelasi faktor dalaman terhadap jantina ialah ($r=0.45$, $n=140$, $p=0.599$), manakala, korelasi faktor luaran terhadap jantina ialah ($r=0.181$, $n=140$, $p=0.032$). Oleh itu, terdapat hubungan linear positif sederhana ($r=0.45$) dan tidak signifikan ($p=0.599$) antara faktor dalaman terhadap jantina. Begitu juga terdapat hubungan linear positif sangat lemah ($r=0.181$) dan signifikan ($p=0.032$) dikenalpasti antara faktor luaran terhadap jantina.

Kata Kunci : Hubungan, Faktor, Kemahiran Menulis, Bahasa Arab.

ABSTRACT

The purpose of this study is to examine the relationship between internal factors and external factors in influencing diploma students in writing skills. A total of 140 respondents from four Malaysian higher learning institutions (IPTM) were selected including Universiti Sultan

¹ Mohamad Rofian Bin Ismail, Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, KUIS, mohdrofian@kuis.edu.my.

² Ahmad Redzaudin Bin Ghazali, Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, KUIS, redzaudin@kuis.edu.my.

³ Khairatul Akmar Bin Abdul Latif, PhD, Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, KUIS, [khaiatulakmar@kuis.edu.my](mailto:khairatulakmar@kuis.edu.my).

⁴ Fahed Bin Maromar, PhD, Pusat Pengajaran Teras, KUIS, fahed@kuis.edu.my.

⁵ Saupi Bin Man, Prof. Madya, PhD, UIAM, msaupi@iium.edu.my.

Zainal Abidin (90 respondens), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (25 respondens), Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (9 respondens), dan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (16 respondens) as the study sample. The data were analyzed using Statistical Package for the Social Science (SPSS) version 22.0 software. Descriptive analysis methods of mean score comparison and inference level analysis were used to derive study findings. For the purposes of analyzing the study data, the researcher used two methods, namely the mean score interpretation of Jamil Ahmad (1993) and Pearson's correlation to find the relationship between two different variables, dependent variables and independent variables. The results showed that the internal mean score was 3.80 ($sd=0.42$), while the factor mean score was 3.76 ($sd=0.42$). Both of these mean scores are at a high level. This indicates that both mean scores of internal and external factors influence students' Arabic writing. Furthermore, the correlation of internal factors to gender was ($r = 0.45, n = 140, p = 0.599$), whereas the correlation of external factors to gender was ($r = 0.181, n = 140, p = 0.032$). Therefore, there was a moderate positive linear relationship ($r = 0.45$) and no significant ($p = 0.599$) between internal factors to gender. Similarly, a very weak linear relationship ($r = 0.181$) and significant ($p = 0.032$) was identified between the external factors of gender.

Keywords: Relationships, Factors, Writing Skills, Arabic.

Pengenalan

Banyak kajian telah dijalankan berhubung dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan pencapaian ujian pengesanan pelajar-pelajar di peringkat sekolah mahupun di peringkat universiti. Antara kajian-kajian tersebut merangkumi hubungan antara konsep kendiri, motivasi dan pencapaian. Menurut Crow dan Crow (1983), tahap pencapaian pelajar dalam proses pembelajaran sebenarnya banyak bergantung kepada sikap, minat dan motivasi yang berterusan.

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan pencapaian ujian pengesanan pelajar di peringkat sekolah mahupun di peringkat IPTA. Antaranya seperti latar belakang seseorang pelajar, tahap potensi dan intelek individu. Selain itu, faktor konsep kendiri dan motivasi pencapaian juga merupakan faktor yang penting mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Menurut Crow dan Crow (1983) darjah pencapaian ujian pengesanan pelajar dalam proses pembelajaran banyak bergantung kepada sikap, minat dan motivasi yang berterusan. Justeru, faktor-faktor tersebut perlu dikenalpasti bagi menentukan kekuatan untuk mengembangkan potensi pelajar.

Pembelajaran di institusi pengajian tinggi adalah berbentuk pembelajaran formal yang berorientasikan kepada teori pencapaian. Pembelajaran tersebut dinilai dan disahkan oleh pihak tertentu. Pelajar yang telah tamat pengajian akan diberi penghargaan melalui pengaugerahan ijazah. Matlamat sesebuah institusi pengajian tinggi adalah jelas iaitu melahirkan graduan yang berjaya dalam pencapaian ujian pengesanan dan sahsiah. Ia juga merupakan kemajuan yang diperoleh secara semulajadi yang tidak terlalu bergantung kepada kecerdasan akal fikiran. Berikut adalah jenis-jenis faktor yang boleh mempengaruhi pembelajaran pelajar di peringkat pengajian tinggi khususnya dalam menguasai kemahiran bahasa Arab.

Faktor Sikap

Faktor dalaman antaranya berasaskan sikap dan penerimaan individu terhadap kepentingan kemahiran menulis. Sikap boleh disimpulkan dari cara seseorang individu itu bertingkah laku. Sikap memainkan peranan yang penting untuk mencapai kejayaan di dalam sesuatu perkara atau usaha (Yahaya et al., 2007). Satu sesi pengajaran yang baik perlu melibatkan kemahiran guru yang bijak menyesuaikan kaedah pengajaran dengan objektif pembelajaran pelajar dan juga gaya pembelajaran mereka (Hashim & Yaakub, 2003).

Sikap ditakrifkan sebagai orientasi individu dalam menilai sesuatu perkara. Penilaian tersebut dapat berbentuk positif atau negatif (Wilson, 1976). Sikap juga merupakan kecenderungan seseorang dalam bertindak memilih sesuatu mengikut pengalaman, kebiasaan dan pengaruh sekitar (Crow dan Crow, 1983). Menurut Ghazali et al. (2006) lagi, sikap terhadap bahasa merujuk kepada sikap satu kelompok masyarakat atau sesuatu komuniti terhadap sesuatu bahasa seperti menarik, sedap didengar, mudah dipelajari dan sebagainya. Dalam perkataan lain, sikap merupakan pembawaan atau personaliti individu yang muncul daripada keinginan peribadi dan rangsangan kumpulan. Menurut Rozmi (2011), sikap merupakan gagasan penting dalam kehidupan manusia. Sikap juga sangat mempengaruhi tingkah laku, penilaian individu dan membayangkan tentang apa yang difikirkan dan dilakukan oleh seseorang. Alasan utama kenapa konsep sikap menjadi popular adalah kerana tumpuan pakar psikologi. Oleh itu, sikap selalu diertikan dengan komponen istilah yang berbeza iaitu kepercayaan, perasaan dan tujuan sesuatu tingkah laku. Berdasarkan kepada pandangan multidimensional, sikap membentuk kepercayaan dan tingkah laku individu terhadap sesuatu.

Terdapat pelbagai teori psikologi mengenai sikap antaranya Robert Zajonc (1969). Robert mengatakan bahawa pendedahan seseorang kepada sesuatu secara berulang-ulang menyebabkan mereka membina sesuatu sikap tertentu. Sikap tersebut berbentuk positif atau negatif terhadap benda, situasi dan sebaginya. Fenomena ini dikenali sebagai kesan pendedahan. Menurut Crow dan Crow (1983) pengubahan sikap amat diperlukan dalam usaha mencapai kejayaan dalam akademik. Dalam usia akhir remaja dan menginjak ke awal dewasa merupakan masa yang paling kritikal bagi seseorang manusia. Pelbagai cabaran dan perubahan dalam tingkah laku terjadi dan selalunya bertentangan dengan kehendak nilai atau norma setempat. Kamaruddin (2010) berpandangan bahawa pembelajaran yang sebenar ialah memperolehi tabiat, pengetahuan dan sikap. Ia juga melibatkan cara baru dalam melakukan sesuatu dan percubaan individu dalam mengatasi rintangan. Ia juga digunakan untuk menyesuaikan diri dengan situasi baru.

Walaupun demikian, sikap dapat mempengaruhi emosi untuk bertindak balas melalui cara tertentu terhadap seseorang, sesuatu kumpulan, benda atau isu tertentu. Sikap berasaskan desakan dalaman, tabiat yang dipelajari dan pengaruh alam sekitar. Manakala dalam bidang pendidikan, sikap boleh dipengaruhi oleh beberapa keadaan tertentu. Sikap dapat diperlihatkan melalui peniruan model tertentu, sentimen dan pengalaman tertentu. Pembentukan sikap boleh dilakukan mengikut beberapa strategi antarnya perbincangan formal, penerapan, gerak kerja kokurikulum dan budaya sekolah.

Faktor Motivasi

Motivasi menurut Oxford & Nyikos (1989) ditakrifkan sebagai sesuatu faktor atau sebab yang menyebabkan seseorang berkelakuan dan bertindak khusus. Manakala menurut Gadner (1964), motivasi merupakan suatu sikap positif yang menghasilkan tindakan-tindakan wajar pada kelakuan seseorang.

Apabila seseorang bermotivasi tinggi, ia membolehkan organisasi meningkatkan produktiviti (Ahmad Atory Hussain, 2002). Ini membawa pembaharuan–pembaharuan yang diperlukan. Sama halnya dengan pelajar yang bermotivasi, ia pasti mencuba meningkatkan kefahaman dalam pembelajaran mereka. Faktor motivasi yang berkait rapat dengan minat ditakrifkan sebagai keinginan murid untuk mengetahui sesuatu bahasa (Azhar, 2004). Berdasarkan kajian lepas, minat untuk mempelajari dan mengkaji bahasa Arab adalah disebabkan oleh faktor agama seperti untuk memahami al-Quran (Kamarul Shukri, 2002), bahasa peradaban Islam (Jasmi, 2002) dan bahasa untuk memahami sumber agama Islam (Sohair, 1990). Bahkan kajian yang dilakukan oleh Kaseh, Nil dan Zeti (2010) menegaskan bahawa apabila mengkaji motivasi mempelajari bahasa Arab atau manapun bahasa yang berkaitan dengan agama, maka faktor agama mesti diberi pertimbangan yang sewajarnya. Namun, faktor lain seperti pelancongan juga menjadi sebab bahasa Arab diajar dan dipelajari di Malaysia (Azman, Azman & Kamaruzaman, 2009).

Secara umumnya, motivasi dibincangkan dalam dua aspek yang bebeza, iaitu *intrinsik* dan *ekstrinsik*. Motivasi *ekstrinsik* merupakan faktor pendorong luaran yang menggalakkan proses pembelajaran seperti ganjaran, penghargaan dan sebagainya, manakala motivasi *intrinsik* dikaitkan dengan faktor dalaman pelajar sendiri, seperti keseronokan, minat, berasa kompeten dan berfikiran positif (Deci & Ryan, 2000). Rasa minat dan keseronokan belajar dicadangkan agar diberi lebih keutamaan kerana terbukti mampu meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran (Taylor et al., 2014). Motivasi turut dikaitkan dengan peranannya yang amat berkesan dalam penggunaan strategi belajar (Oxford & Nyikos, 1989). Selain aktiviti P&P di dalam kelas, aktiviti bahasa di luar kelas yang dijalankan secara berstruktur mampu memberi motivasi kepada pelajar dalam proses pembelajaran bahasa. Teori Maslow menyatakan bahawa semakin tinggi tahap motivasi seseorang, maka semakin tinggi pula tahap kepuasan, aspirasi dan pencapaian individu. Teori Maslow dapat dirumuskan sebagaimana berikut:

- 1) Semakin tinggi kepuasan terhadap sesuatu, semakin tinggi pula tahap motivasinya.
- 2) Semakin tinggi tahap motivasi seseorang, maka akan berkurangan masalah yang akan dihadapinya.
- 3) Semakin tinggi motivasi seseorang, semakin tinggi kecenderungan untuk meningkatkan keluasan dan penerimaan inovasi-inovasi yang boleh membawa kepada pencapaian yang lebih tinggi.

Imam Syafie, Spada dan Lightbown (1999) turut menjadikan faktor motivasi sebagai salah satu faktor yang menyebabkan suatu proses pembelajaran berjaya. Bahkan dianggap sebagai syarat bagi sesuatu kejayaan. Bagi Imam Syafie, faktor kesungguhan dan motivasi dalam menuntut ilmu menjadi salah satu syarat daripada enam syarat bagi seseorang untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Ini seperti dalam kata-kata beliau yang masyhur yang bermaksud:

“Kamu tidak akan memperoleh ilmu kecuali dengan enam sebab iaitu kebijaksanaan, keinginan, kesungguhan, mempunyai belanja, tunjuk ajar guru dan sepanjang masa.”

Faktor motivasi juga mencipta pelbagai teknik khas yang dilakukan pelajar untuk menyelesaikan masalah. Terdapat tiga langkah mudah untuk menyelesaikan masalah iaitu *mind* (minda), *body* (fizikal) dan *action* (aksi menyelesaikan masalah). Melalui tiga langkah tersebut, pelajar boleh mempraktikkan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Mereka boleh menyelesaikan masalah sehari-hari seperti masalah pencapaian akademik, masalah hubungan

keluarga, rakan sebaya dan masalah lain-lain juga. Menurut Sawin dan Loree (1959), permasalahan dalam memotivasi pelajar tertumpu kepada tiga bahagian. Bahagian pertama iaitu permasalahan dalam mencipta keinginan dalam pelajar untuk belajar. Kedua iaitu, permasalahan dalam mencipta kesudian pelajar untuk terlibat sama dalam pengalaman pembelajaran yang rancang. Manakala ketiga, iaitu permasalahan dalam mengekalkan tahap motivasi yang diperlukan sepanjang sesi pembelajaran.

Kesimpulannya, mereka yang tidak bermotivasi atau mempunyai motivasi rendah memang menyedari kekurangan yang terdapat dalam diri mereka (Ainon, 1998). Dengan kata lain, faktor motivasi menjadikan mereka lebih semangat, bersikap optimistik dan berkeyakinan diri. Orang yang bermotivasi berani mengambil risiko dalam sesuatu aktiviti. Mereka mampu memghadapi pelbagai keadaan dan tekanan.

Faktor Persepsi

Persepsi terhadap diri boleh dibahagikan kepada dua, iaitu konsep kendiri yang tinggi dan konsep kendiri yang rendah. Konsep kendiri tinggi seperti menghargai diri sendiri, bercita-cita tinggi dan berkebolehan dalam bidang tertentu. Manakala konsep kendiri rendah pula ialah mudah berputus asa dan membenci diri sendiri (Cohen, 1959).

Menurut Ghazali et al. (2010) dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, kepercayaan jangkaan keupayaan kendiri menentukan pemilihan pelajar untuk mempelajari bahasa Arab dan setakat mana usaha mereka untuk menguasai kemahiran bahasa tersebut. Pelajar yang mempunyai tahap kepercayaan jangkaan keupayaan kendiri yang rendah akan cepat berasa putus asa apabila berhadapan dengan kegagalan atau tekanan dalam pelajaran. Terdapat beberapa penakrifan yang menerangkan maksud perkataan persepsi. Antaranya, satu kesedaran yang didapati melalui pancaindera semulajadi atau ilmu yang didapati melalui satu pandangan atau pendapat. Antara penakrifan lain ialah satu cara mendapatkan sesuatu atau menggambarkan sesuatu yang diperoleh daripada satu konsep yang berbentuk informasi dan maklumat. Menurut Low Wah Yun dan Tan Lay Chin (2008), persepsi merupakan organisasi pengalaman sensori tentang penyusunan objek atau sesuatu rangsangan. Ia dikaitkan dengan pengalaman masa lampau yang telah wujud dalam fikiran.

Persepsi merupakan suatu aktiviti yang boleh dicapai melalui pembelajaran. Ini bermakna individu perlu mempunyai pengalaman lepas dan boleh mengenali rangsangan baru suatu rangsangan yang pernah dilalui sebelumnya. Walaubagaimanapun, disebabkan individu mempunyai personaliti yang berbeza, persepsi mereka juga akan berbeza. Yorio (1986) menyatakan persepsi dan kepercayaan memainkan peranan yang besar kepada pelajar. Ia akan mempengaruhi tindakan pelajar terutamanya dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Ini selaras dengan Juriah Long et al. (2001) semasa mengkaji persepsi guru pelatih, guru berpengalaman dan pensyarah bahasa Arab dalam pengajaran bahasa Arab kepada pelajar. Dapatan kajian menyatakan bahawa kemahiran berbahasa, berkomunikasi dan pengalaman mengajar banyak membantu pensyarah dalam mempelbagaikan aktiviti pengajaran. Mereka turut membantu pelajar menguasai subjek pengajian terutamnya bahasa Arab. Ahmad Atory (2002) menjelaskan bahwa persepsi individu bergantung kepada matlamat yang mereka inginkan. Kadang-kadang berlaku perbezaan persepsi antara seseorang individu disebabkan perbezaan pengalaman dan latihan diterima sebelumnya. Konflik juga wujud akibat faktor-faktor perbezaan dalam pelajaran dan tanggapan masyarakat serta tekanan yang diterima mereka. Kecenderungan guru dalam mengambil berat tentang tingkah laku pelajar dijadikan sebagai satu kaedah dalam menentu dan mengukur tahap interaksi dan persepsi kedua-dua belah pihak (Mamola, 2002).

Burricher (2006) pula turut menjalankan kajian mengenai persepsi pelajar dan remaja mengenai konsep pembangunan kendiri dalam pencapaian akademik. Signifikasi yang diperoleh iaitu terdapat hubungan yang kuat antara kepercayaan diri, hubungan yang baik dengan rakan-rakan serta sokongan ibubapa dengan pencapaian pelajar. Peningkatan kepercayaan diri seseorang pelajar atau remaja boleh menyumbang ke arah peningkatan akademik. Hasilnya, sekolah mendapat nama yang baik, meningkatkan penyediaan tenaga kerja mahir dan mengurangkan kadar jenayah.

Persepsi bukanlah sifat segera terhadap sesuatu rangsangan. Malah ia melibatkan beberapa proses berterusan yang dibahagikan kepada beberapa bahagian. Persepsi itu membentuk tanggapan, membuat kesimpulan dan dapatan terhadap sesuatu. Manakala dalam bidang pendidikan dinyatakan bahawa persepsi seseorang digunakan untuk menyempurnakan lagi sesuatu yang ia lakukan dan membuat pemerhatian yang lebih teliti terhadap sesuatu perkara. Membuat kesimpulan berdasarkan persepsi mendatangkan hasil yang kurang memuaskan. Ia boleh berlaku kesimpulan yang salah, silap faham dan ramalan yang tidak tepat atau membuat kesimpulan yang bias. Persepsi melibatkan proses automatik, berstruktur, dan bersifat statik. Persepsi pula boleh berpilih dan berkaitan antara satu perkara dengan perkara lain yang dipersepsikan.

Kesimpulannya, terdapat perkaitan antara sikap, motivasi dan persepsi. Individu yang tinggi motivasi mempunyai cara persepsi yang berbeza berbanding individu yang rendah motivasi. Motivasi tersebut mampu mempengaruhi sikap mereka. Sikap, motivasi dan persepsi memainkan peranan yang penting kepada individu, khususnya kepada setiap pelajar. Pemahaman tentang konsep-konsep sikap, motivasi dan persepsi akan membantu pelajar memahami persekitaran dengan lebih tepat. Pemahaman tersebut membawa kepada keistimewaan dan mutu sesuatu perkara terutama kepada mereka yang telah melalui proses pembelajaran dan pengajaran (P&P).

Faktor-Faktor Luaran Yang Mempengaruhi Kelemahan Pelajar Dalam Penulisan Bahasa Arab

Terdapat beberapa faktor luaran yang mempengaruhi kelemahan pelajar dalam penulisan bahasa Arab seperti pengaruh persekitaran bahasa Arab yang kurang menyokong. Pelajar kurang didedahkan dengan suasana dan persekitaran bahasa Arab dalam aktiviti pembelajaran harian mereka. Dalam kajian Nik Mohd Rahimi & Kamaruzzaman (1999), hanya 5% pelajar menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa komunikasi dengan guru bahasa Arab mereka dan hanya 1.7% sahaja pelajar bertutur menggunakan bahasa Arab sesama mereka. Kajian ini menunjukkan persekitaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar kurang memberangsangkan. Faktor persekitaran mendatangkan kesan dalam penguasaan bahasa Arab dalam diri pelajar (Kouraogo, 2010).

Faktor lain yang mempengaruhi kesalahan Nahu pelajar ialah buku teks. Buku teks merupakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang paling dominan dan sering digunakan sebagai sumber pemerolehan ilmu sejak sistem pendidikan formal bahasa Arab dijalankan di sekolah (Mohd Fazli dan Mohd Sukki, 2012). Guru menggunakan buku teks sebagai panduan dan sukanan tajuk yang perlu diajar kepada pelajar manakala pelajar pula, buku teks dijadikan bahan bacaan bagi sesuatu pelajaran. Kesalahan di dalam buku teks akan mengelirukan pelajar dalam menentukan penggunaan kaedah Nahu yang betul. Buku

teks sepatutnya menggunakan bahasa yang betul lebih-lebih lagi buku teks bahasa Arab agar pengajaran yang disampaikan di dalam kelas betul dan tepat.

Faktor seterusnya adalah kaedah yang digunakan oleh pensyarah dalam proses pengajaran kemahiran menulis. Pengajaran pensyarah kurang memberi pendedahan tentang kemahiran, teknik dan strategi menulis dalam kelas menyebabkan pelajar kurang bersedia untuk menulis. Pernyataan kelemahan pengajaran guru dinyatakan oleh Roselan Baki (2003) iaitu kebanyakan guru pada umumnya masih kurang jelas tentang kandungan ilmu penulisan dan mereka menerapkan pengalaman yang dialami ketika mempelajari penulisan di sekolah dahulu sebagai asas mengajar penulisan kepada pelajar.

Kekurangan masa untuk pelaksanaan aktiviti dan pensyarah tidak berkesempatan memberi bimbingan yang wajar juga antara faktor yang menyumbang kelemahan pelajar dalam penulisan Arab. Dapatan ini lebih kurang sama dengan dapatan Izuddin dan Salihin (2017) permasalahan yang berlaku adalah persekolahan yang mengamalkan kurikulum yang kompleks, tidak prihatin kepada perbezaan keupayaan murid, guru terikat dalam menghabiskan sukan pelajaran. Pengkaji juga mendapati bahawa punca sesuatu kesilapan yang berlaku tidak terhad kepada satu atau dua faktor sahaja, tetapi boleh disebabkan oleh beberapa faktor lain. Antara lain keberkesanan matlamat dan sukanan pendidikan serta penilaian terhadap subjek.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif deskriptif dan inferensi. Sebanyak 140 orang responden dipilih sebagai sampel kajian daripada empat buah institusi pengajian tinggi Malaysia (IPTM) dipilih iaitu Universiti Sultan Zainal Abidin (90 orang), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (25 orang), Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (9 orang), dan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (16 orang) sebagai sample kajian. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 22.0. Satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dan diagihkan kepada responden kajian. Data yang diperoleh melalui soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 22.0. Data-data yang dianalisis ini seterusnya dibentangkan menggunakan kaedah analisis deskriptif mudah menggunakan *analisis skor min* dan kaedah analisis inferensi menggunakan Korelasi Pearson. Pengkaji memilih interpretasi skor min yang bersumberkan Jamil Ahmad (1993) dalam proses analisis seperti dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Interpretasi Skor Purata Dalam 3 Tahap Skala Likert

Julat	Tahap Skor Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Jamil Ahmad (1993)

Dapatkan Kajian

Analisis Deskriptif

Analisis skor min telah dijalankan atas item-item yang berkaitan dengan domain Faktor Dalaman dan Faktor Luaran Kemahiran Menulis Bahasa Arab bagi 4 buah IPTM. Jadual 2 di bawah menunjukkan berbandingan nilai min yang diperoleh bagi Faktor Dalaman dan Faktor Luaran Kemahiran Menulis Bahasa Arab yang dikaji.

Jadual 2: Taburan Skor Min Perbandingan Faktor Dalaman dan Faktor Luaran Kemahiran Menulis Bahasa Arab

Faktor	Jumlah	Min	Sisihan Piawai
Faktor dalaman	140	3.80	0.42
Faktor luaran	140	3.76	0.42
Jumlah	140		

Jadual 2 menunjukkan perbezaan min di antara faktor dalaman dan faktor luaran kemahiran menulis bahasa Arab. Skor min faktor dalaman ialah 3.80 mewakili sisihan piawai 0.42, manakala skor min faktor luaran ialah 3.76 mewakili sisihan piawai 0.42. Kedua-dua skor min ini berada pada tahap yang tinggi, ini menunjukkan perbandingan di antara kedua skor min faktor dalaman dan faktor luaran mempengaruhi penulisan bahasa Arab pelajar.

Analisis Inferensi

Perbincangan dapatan adalah berdasarkan keputusan hipotesis nol yang telah dibuat. Hasil rumusan ditunjukkan berdasarkan statistik yang diperolehi. Dapatan yang diperoleh daripada analisis akan menjawab persoalan samada hipotesis nol yang telah dirangka diterima atau ditolak. Hasil keputusan hipotesis nol yang telah dibuat adalah seperti berikut:

H0: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor dalaman dan faktor luaran dalam mempengaruhi kelemahan kemahiran menulis bahasa Arab berdasarkan jantina pelajar. Jadual 3 menunjukkan dapatan yang diperolehi.

Jadual 3: Korelasi Antara Faktor Dalaman dan Faktor Luaran Terhadap Jantina

		Faktor dalaman	Faktor luaran	Jantina
Faktor dalaman	Korelasi Pearson	1	.581**	.045
	Sig. (2-tailed)		.000	.599
	N	140	140	140
	Korelasi Pearson	.581**	1	.181*
	Sig. (2-tailed)	.000		.032
	N	140	140	140
Faktor luaran	Korelasi Pearson	.045	.181*	1
	Sig. (2-tailed)	.599	.032	
	N	140	140	140
Jantina	Korelasi Pearson			
	Sig. (2-tailed)			
	N			

Merujuk kepada jadual 3 terdapat hubungan korelasi di antara faktor dalaman dan faktor luaran yang mempengaruhi kemahiran menulis terhadap jantina seperti berikut:

Korelasi faktor dalaman terhadap jantina ialah ($r = 0.45$, $n = 140$, $p = 0.599$). Manakala, korelasi faktor luaran terhadap jantina pula adalah ($r = 0.181$, $n = 140$, $p = 0.032$). Didapati, terdapat hubungan linear positif sederhana ($r = 0.45$) yang tidak signifikan ($p = 0.599$) antara faktor dalaman terhadap jantina. Hubungan linear positif sangat lemah ($r = 0.181$) yang signifikan ($p = 0.032$) antara faktor luaran terhadap jantina. Jadual 4 dan 5 merumuskan dapatan yang diperolehi dalam menjawab persoalan H0 yang dikaji:

Jadual 4: Faktor Dalaman Berdasarkan Jantina

Faktor	Nilai Korelasi r	Aras Signifikan p	Status H0
Faktor Dalaman	0.45	0.599	Diterima

Jadual di atas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor dalaman berdasarkan jantina dengan nilai $r = 0.45$ dan $p = 0.599$. Ini bermakna status H0 gagal ditolak, namun sebaliknya diterima kerana menepati pada persoalan H0.

Jadual 5: Faktor Luaran Berdasarkan Jantina

Faktor	Nilai Korelasi r	Aras Signifikan p	Status H0
Faktor Luaran	0.181	0.032	Ditolak

Jadual di atas menunjukkan terdapat signifikan di antara faktor luaran berdasarkan jantina dengan nilai $r = 0.181$ dan $p = 0.032$. Ini menunjukkan bahawa status H0 berjaya ditolak sekaligus menunjukkan faktor luaran pelajar mempengaruhi kemahiran menulis bahasa Arab mereka berdasarkan jantina. Akan tetapi, ia mempunyai hubungan linear positif yang lemah.

Penutup

Kajian ini merumuskan bahawa faktor luaran berjaya mempengaruhi penulisan bahasa Arab pelajar. Hal ini bermaksud, kelemahan dan kecemerlangan pelajar di IPTM dipengaruhi oleh faktor luaran seperti matlamat pengajaran dan pembelajaran, persekitaran, modul, kaedah pengajaran dan guru. Manakala faktor dalaman seperti minat, persepsi, motivasi dan juga sikap kurang mempengaruhi pelajar di peringkat IPTM dalam kemahiran menulis. Pengkaji berpendapat, faktor dalaman dan faktor luaran mempunyai hubungan yang kuat dalam mempengaruhi pencapaian pelajar berdasarkan jantina di peringkat pengajian tinggi dalam kemahiran menulis bahasa Arab. Hal ini bermaksud, pelajar perempuan mempunyai perbezaan yang ketara dengan pelajar lelaki dalam menguasai kemahiran menulis.

Rujukan

Ahmad Atory Hussain. 2002. *Pengurusan Organisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (1998). Motivasi Belajar Berfikir. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Azhar, M. Z. (2004). Psychological stress and treatment-research issues. *Medical Journal of Malaysia*, 59(2), 143-145.

Azman Che Mat, Azman Zakaria and Kamaruzaman Jusoff, (2009) *The importance of arabic language in Malaysian tourism industry*. Canadian Social Science, 5 (4). pp. 12-17.

Burricher, W.R. 2006. Self with other representation and academic self-concept development in adolescents. *The Sciences and Engineering* 66: 5120-5124.

Cohen, A. R. (1959). Situational structure, self-esteem, and threat-oriented reactions to power.

Crow, L.D. & Crow, A. 1983. *Psikologi pendidikan untuk perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2010). Self-determination. *The Corsini encyclopedia of psychology*, 1-2.

Ghazali Yusri Abd Rahman & Ahmad Salleh. (2006). Kemahiran Menulis Tulisan Arab Di Kalangan Pelajar-Pelajar UiTM: Kelemahan Dan Cara Mengatasinya. Laporan Penyelidikan Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.

Hashim, S., & Yaakub, R. (2003). *Psikologi pembelajaran dan personaliti*. PTS Publications & Distributors.

Jamil Ahmad. 1993. Tinjauan tentang kekangan-kekangan dalam pelaksanaan sains KBSM di sekolah-sekolah menengah negeri Kedah Darul Aman. Disertasi Sarjana Fakulti Pendidikan UKM.

Jasmi, K. A. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin* (Doctoral dissertation, Program Pengajian Peradaban, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).

Juriah Long, Embi, M. A.,& Hamzah, M. I. (2001). Language learning strategies employed by secondary school students in Malaysia. *Jurnal Pendidikan*, 26, 2-3.

Kamarudin Husin. 2010. *Psikologi Pembelajaran Siri Pengajian dan Pendidikan* Utusan. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Kamarul Syukri Mat Teh (2002). Kesan Tatabahasa Arab Terhadap Pengeluaran Hukum Fiqh Dari pada al-Qur'an al-Karim. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kaseh, Nil Farakh & Zeti Akhtar. (2010). *Self-Determination Theory And Motivational Orientations Of Arabic Learners: A Principal Component Analysis*. GEMA Online™ Journal of Language Studies 10 (1).

- Kouraogo, P. (2010). Policy measures to improve the quality of education in Burkina Faso. In *Africa-Asia Experience Sharing Seminar in Ghana Efforts towards Improving the Quality of Education. Accra, Ghana.*
- Low Wah Yun & Tan Lay Chin. 2008. *Psikologi untuk Jururawat*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Mamola, K. C. 2002. Student's perception vs. ours. *Journal of Physics Teacher* 40: 1-10.
- Mohd Fazli Ismail & Mohd Sukki Othman. 2012. Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab: satu tinjauan di SMAP, Kajang. *Prosiding Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR12), UKM*.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Kamarulzaman Abdul Ghani. (1999). Faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan penguasaan kemahiran kefahaman bacaan bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah agama: kajian di Negeri Kelantan. Bangi: Laporan Projek. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Oxford, R. L., & Nyikos, M. (1989). Variables affecting choice of language learning strategies by university students. *The Modern Language Journal* 73, 292-300.
- Roselan Baki. (2003). Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Shah Alam, Malaysia: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Rozmi Ismail. 2011. Psikologi Sosial. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sawin, E. I., & Loree, M. R. (1959). Broadening the Base in Evaluation. *The School Review*, 67(1), 79-92.
- Sohair Abdel Moneim Sery (1990). Satu tinjauan tentang masalah-masalah pengajaran mata pelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah agama di Malaysia. Projek Penyelidikan Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Spada, N., & Lightbown, P. M. (1999). Instruction, first language influence, and developmental readiness in second language acquisition. *The modern language journal*, 83(1), 1-22.
- Taylor, G., Jungert, T., Mageau, G. A., Schattke, K., Dedic, H., Rosenfield, S., & Koestner, R. (2014). *A self-determination theory approach to predicting school achievement over time: The unique role of intrinsic motivation*. Contemporary Educational Psychology, 39(4), 342-358.
- Wilson, D.B. (1976). Attitudes and measurement. *Educational Psychology Journal* 16: 207-213.
- Yahaya, A., Ramli, J. & Boon, Y. (2007). Sumbangan Sikap Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Bahasa Inggeris: Sejauh Manakah Hubungan Ini Relevan?
- Yorio, C. A. (1986). Consumerism in second language learning and teaching. *Canadian Modern Language Review*, 42(3), 668-687.